

21/01/1997

Sarawak masuki industri bioteknologi

Rosli Safar

DALAM merealisasikan Wawasan 2020 yang diilhamkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semua negeri kini mengambil pendekatan ke arah mencapai cita-cita itu. Semua negeri kini berlumba-lumba meningkatkan pembangunan sektor perindustrian, dengan matlamat menarik sebanyak mungkin industri berteknologi tinggi bagi memangkin pertumbuhan ekonomi negeri yang secara tidak langsung akan memberi sumbangan kepada pertumbuhan negara.

Sarawak tidak terkecuali menggerakkan tanggungjawab seiring negeri lain, biarpun mungkin berada selangkah di belakang negeri di Semenanjung dari segi tahap pembangunan yang dicapai.

Apa pun kedudukannya kini, Sarawak tidak boleh dilihat sebagai negeri yang akan menumpang hasil usaha pihak lain apabila martabat negara maju dicapai kelak. Sebagai sebuah negeri yang dikurniakan geografi berbukit-bukau dan subur dengan pelbagai spesies pokok hutan hujan tropika, Sarawak bakal muncul sebagai kuasa baru dalam perencanaan pembangunan negara selepas 2020.

Sarawak sudah merintis jalan untuk mempersiapkan Malaysia secara keseluruhan bagi menghadapi cabaran abad ke-21 yang dijangka berteraskan sumber alam semula jadi melalui bidang bioteknologi.

Keputusan kerajaan negeri membangunkan kawasan seluas 2,000 hektar di Kota Samarahan untuk dijadikan Taman Bioteknologi Negara yang akan menjadi pusat penyelidikan dan pembangunan (R&D) utama, adalah perancangan masa depan yang menjanjikan kemakmuran negara secara berterusan.

Bidang bioekonomi diramalkan oleh penganalisis, Stan Davis dan Bill Davidson dalam buku Vision 2020 akan mengambil tempat ekonomi maklumat pada sekitar 2020.

"Pada satu ketika nanti komputer, genetik dan mesin mikro (micromachinery) adalah satu dan tiada bezanya antara satu dengan lain," kata Stan Davis dan Bill Davidson.

Timbalan Naib Canselor (Perkhidmatan dan Penyelidikan) Universiti Malaysia Sarawak (Unimas), Dr Ghazally Ismail, mengandaikan keputusan kerajaan Sarawak untuk menceburi bidang bioteknologi akan berupaya meletakkannya sebagai berfungsi utama mencerna kemajuan negara pada masa akan datang.

"Bioteknologi dikenal pasti oleh kerajaan Sarawak sebagai satu strategi untuk meningkatkan kegiatan perindustrian di negeri ini. Pada saya keputusan yang diambil kerajaan Sarawak adalah tepat sekali, kerana kalau dilihat aliran semasa, kita kini bergantung kepada industri yang berteraskan tenaga manusia yang ramai.

"Sebaliknya industri bioteknologi menjanjikan kurang pergantungan kepada tenaga manusia, di samping bakal menjadi industri yang penting di seluruh dunia di dalam apa jua bidang, baik dalam bidang makanan, kesihatan, perindustrian, sumber, pertanian atau perikanan," katanya.

Katanya, industri bioteknologi sebenarnya berasaskan kepada pengetahuan mengenai gen atau DNA yang sebenarnya bahan asas dalam menentukan ciri organisme atau sel.

"Jadi Sarawak memilih untuk memasuki suatu era yang asas iaitu DNA dan tidak ada yang lebih asas selain DNA," katanya.

Sarawak mempunyai kelebihan berbanding negeri lain, kerana industri bioteknologi bergantung penuh kepada wujudnya bahan atau sumber asli yang pelbagai, terutama kepelbagaian flora dan fauna.

Dalam konteks ini, bioteknologi harus menjadi tujahan atau penekanan strategi perindustrian Sarawak yang mempunyai khazanah flora dan fauna yang tidak ternilai jumlahnya.

"Pendekatan yang diambil kerajaan Sarawak sudah tentu berupaya menggerakkan negeri ini untuk capai Wawasan 2020. Sarawak mempunyai daya saing yang unik, berikutan mempunyai banyak kepelbagaian biologi. Sarawak wajar menggunakan kelebihan itu, kerana kini selain IT yang naik menonjol, bioteknologilah yang kedua terpenting dalam membentuk cara hidup kita dalam pelbagai bidang.

"Jadi dengan kekayaan dan kepelbagaian yang dimiliki Sarawak, saya yakin negeri ini akan menjadi `penggerak utama' bidang perindustrian dan membantu kita mencapai wawasan sebagai sebuah negara maju," katanya.

Biar pun kini ketinggalan sedikit terkebelakang berbanding negeri lain, Dr Ghazally optimis Sarawak mampu mengejar untuk berada sebaris dan mungkin di depan apabila era industri bioteknologi memuncak. Bidang bioteknologi berteraskan maklumat, kerana itu usaha memajukan industri berteknologi tinggi tidak akan terjejas.

Sarawak mampu untuk merealisasikan ini biar pun mempunyai bilangan penduduk yang kecil dan keluasan negeri yang besar. Industri bioteknologi tidak memerlukan tenaga buruh yang ramai. Apa yang perlu ialah kualiti.

Walaupun Sarawak jauh dan mempunyai bilangan penduduk yang rendah, jika penekanan diberikan secara bersungguh-sungguh kepada latihan anak tempatan, beliau tidak nampak impian itu akan menemui kegagalan.

(END)